



Raja Muda Selangor Lawat UPM



SERDANG, 1 Sep – Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan meluangkan masa ke lawatan kerja di Universiti Putra Malaysia (UPM) selama tiga jam.



Baginda diberi taklimat oleh empat pakar dari Fakulti Perhutanan dan Fakulti Pengajian Alam Sekitar iaitu Prof. Madya Dr. Awang Noor Abdul Ghani dengan tajuk Forest Management In Malaysia, Dr. Mohamed Zakaria Hussin (Wildlife Management In Malaysia), Prof. Dr. Faridah Hanum Ibrahim (Biodiversity Conservation In Malaysia) dan Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom (Climate Change in Malaysia).

Lawatan kerja baginda disambut oleh pihak pengurusan UPM diketuai Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dato' Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM (Khairul Anuar Muhamad Noh, foto oleh Ahmad Fua'ad Alwi)